

**DALAM MAHKAMAH SESYEN DI KUANTAN
DALAM NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR, MALAYSIA
KES SAMAN NO: 53-218 TAHUN 2012-S4**

5

ANTARA

NOR HAYATI BINTI ALI

...PLAINTIF

DAN

10

1. WAN NUREDAYU BINTI WAN SHAHARUDDIN

2. NIK NURZIANA BINTI OTHMAN

3. NAZLIAFASYA BINTI AZMAN

...DEFENDAN-DEFENDAN

15

KORUM: TUAN HAJI JAMALUDIN BIN HAJI MAT

HAKIM

20

MAHKAMAH SESYEN 4

KUANTAN

TARIKH: 13HB. DISEMBER 2013

25

KEPUTUSAN

PERMULAAN

1. Ini adalah satu kes tuntutan saman malu melibatkan akaun Facebook yang difailkan oleh Plaintiff terhadap Defendan-Defendan.
5
2. Penghakiman interlokutori telah dimasukkan ke atas Defendan Kedua pada 14 September 2012 manakala saman ke atas Defendan Ketiga tidak dapat diserahkan dan telah luput.
- 10 3. Berdasarkan kepada rekod Mahkamah, pihak-pihak telah menjalani beberapa sesi mediasi tetapi telah gagal untuk mencapai persetujuan.
4. Perbicaraan telah ditangguhkan beberapa kali kerana pihak-pihak ingin berbincang penyelesaian sehinggalah kes ini
15 ditetapkan untuk perbicaraan pada 6/11/2013 dimana peguamcara kedua-dua pihak memohon kes dipanggil pada tarikh tersebut untuk merekodkan penyelesaian.
5. Walaubagaimanapun, pada tarikh 6/11/2013, Defendan Pertama hadir, manakala peguamcaranya tidak hadir.
20 Plaintiff dan peguamcaranya hadir dan bersedia dengan saksi-saksi dan boleh menutup kes.

PERMOHONAN PENANGGUHAN

- 25 Permohonan Defendan Pertama untuk penangguhan bagi melantik peguam baru ditolak oleh Mahkamah atas alasan-alasan berikut:

- 5 (1) Kes ini telah dibatalkan pada 10 Jun 2013 kerana pihak-pihak tidak hadir. Walaubagaimanapun, atas permohonan peguamcara Plaintif melalui Kandungan 31, kes ini telah dihidupkan semula dan ditetapkan untuk perbicaraan penuh pada 29/7/2013.
- (2) Pada 29/7/2013, pihak Defendan memohon penangguhan kerana ingin melantik peguamcara baru. Kes dijadualkan semula untuk perbicaraan akhir pada 3 dan 4 September 2013.
- 10 (3) Pada 3/9/2013, pihak Plaintif pula memohon penangguhan kerana Plaintif sedang menunggu masa untuk bersalin. Kes ditangguhkan ke 1 dan 6 November 2013.
- (4) Kes dipanggil awal pada 30/10/2013 dimana kedua-dua peguamcara memaklumkan kepada Mahkamah memohon kes dipanggil semula pada 6/11/2013 untuk merekodkan penyelesaian.
- 15 (5) Walaubagaimanapun, pada 6/11/2013, Defendan Pertama tidak bersetuju untuk menyelesaikan kes dan mahu teruskan dengan perbicaraan dan memohon tarikh baru untuk melantik peguamcara yang baru.
- 20 (6) Mahkamah mendapati tindakan Defendan Pertama memohon penangguhan adalah untuk melengah-lengahkan perbicaraan dan tidak mempunyai alasan yang kukuh.
- (7) Justeru itu, Mahkamah menolak permohonan penangguhan
- 25 Defendan Pertama dan meneruskan dengan perbicaraan.

(8) Semasa perbicaraan, Defendan Pertama diberi peluang untuk menyoalbalas saksi-saksi Plaintiff dan beliau telah berbuat demikian dengan baik sekali.

5 **SAKSI-SAKSI**

Pihak Plaintiff telah mengemukakan saksi-saksi berikut:

SP1: Norhayati binti Ali, Plaintiff di dalam kes ini.

10 SP2: Norazlindawati binti Ali, adik Plaintiff.

SP3: Siti Normala binti Ariffin, kawan Plaintiff.

SP4: Muhammad Khairil bin Muhammad Ali, suami Plaintiff.

15 Setelah pihak Plaintiff menutup kes, Mahkamah telah bertanya kepada pihak Defendan Pertama sama ada beliau ingin memberi keterangan. Beliau memaklumkan kepada Mahkamah bahawa beliau tidak mahu memberi keterangan.

RINGKASAN FAKTA KES

20

Berdasarkan kepada pliding, keterangan saksi-saksi dan dokumen-dokumen yang berada di hadapan Mahkamah, fakta kes bolehlah diringkaskan seperti berikut:

25

KES PLAINTIF

1. 5 1. Plaintiff dan Defendan Pertama adalah rakan Facebook dimana Plaintiff menggunakan nama “Kreyatie Ali” manakala Defendan Pertama menggunakan nama “Ayumi Edayu”.
2. 2. Oleh kerana mereka adalah rakan Facebook, segala paparan di dinding Facebook mereka boleh dibaca oleh semua rakan-rakan Facebook mereka.
- 10 3. Pada tarikh 1/8/2011 hingga 16/8/2011, Plaintiff mendapati Defendan Pertama telah memaparkan komen-komen negatif yang berbentuk fitnah ke atas Plaintiff yang dinamakan sebagai “Yatie Black” di dalam laman social tersebut yang telah mengaibkan dan memalukan Plaintiff.
- 15 4. Perkataan-perkataan yang ditulis oleh Defendan Pertama adalah sebagaimana yang diplidkan di dalam perenggan 8 Pernyataan Tuntutan. Perkataan-perkataan tersebut boleh difahami dalam maksud asal/biasa dan innuendo sebagaimana yang diplidkan di perenggan 9 dan 10 Pernyataan Tuntutan Plaintiff.
- 20 5. Plaintiff mendakwa perkataan-perkataan yang ditulis oleh Defendan Pertama dan gambaran kriteria “Yatie Black” secara innuendo adalah merujuk kepada Plaintiff berdasarkan kepada fakta-fakta berikut:

25

- 5.1. Gambar yang dipaparkan pada 6/8/2011 menunjukkan imej gambar Plaintiff.
- 5.2. Plaintiff merupakan bekas pelajar Methodist Girl Secondary School (MGGS) Kuantan.
- 5 5.3. Plaintiff tinggal di Sungai Isap Jaya.
- 5.4. "Krey" adalah nama samaran suami Plaintiff iaitu Muhammad Khairil bin Muhammad Ali sebagaimana yang dinyatakan di perenggan 7 Pernyataan Tuntutan.
6. Plaintiff menegaskan bahawa perkataan-perkataan yang
10 dinyatakan di perenggan 8 Pernyataan Tuntutan adalah bersifat fitnah, jahat dan menjijikkan ke atas Plaintiff dan bertujuan untuk merendahkan maruah serta merosak nama baik dan maruah Plaintiff.
7. Akibat daripada fitnah tersebut, Plaintiff merasa amat hina, malu
15 dan rendah diri kerana ianya diketahui oleh ahli keluarga serta semua sahabat dan keluarga terdekat Plaintiff terutamanya yang melayari akaun Facebook tersebut. Tindakan Defendan Pertama adalah disengajakan dengan harapan Plaintiff dipandang hina dan menjejaskan maruah beliau.
- 20 8. Justeru itu, Plaintiff memohon supaya Defendan Pertama dikenakan gantirugi tauladan, gantirugi melampau dan gantirugi am serta relif-relif lain yang sesuai.

25

PEMBELAAN DEFENDAN

Pihak Defendan Pertama mempertikaikan tuntutan Plaintiff berdasarkan kepada alasan-alasan berikut:

5

1. Nama Wan Nuridayu binti Wan Sharuddin yang dinamakan sebagai Defendan Pertama adalah merujuk kepada individu lain. Defendan Pertama adalah pengguna berdaftar di laman sosial Facebook namun menafikan menggunakan akaun “Ayumi Edayu” sebaliknya menggunakan akaun “Adasy Edayu”.

10

2. Defendan Pertama menafikan nama “Yatie Black” merujuk kepada Plaintiff dan kenyataan-kenyataan yang dipaparkan oleh Defendan Pertama sebagaimana Perenggan 8 Pernyataan Tuntutan merujuk kepada Plaintiff secara spesifik.

15

3. Defendan Pertama tiada pengetahuan ke atas perenggan 11 pernyataan tuntutan Plaintiff dan mendesak Plaintiff membuktikan:

20

3.1. Gambar yang dipaparkan pada 6/8/2011 merujuk kepada gambar Plaintiff.

3.2. MGSS merujuk kepada Methodist School dan Plaintiff merupakan bekas pelajar sekolah tersebut.

3.3. Plaintiff tinggal di Sungai Isap Jaya dan

3.4. Nama “Krey” merujuk kepada suami Plaintiff iaitu Muhammad Khairil Bin Muhammad Ali.

25

ISU-ISU

(1) Adakah berlaku fitnah?

(2) Berapakah kuantum yang patut di awadkan?

5

UNDANG-UNDANG

Apa itu fitnah?

10 K.Kuldeep Singh di dalam buku **Tort of Defamation** menyatakan bahawa untuk memberikan suatu definisi yang tepat tentang fitnah adalah suatu yang sukar kerana persepsi masyarakat tentang fitnah boleh berubah mengikut perkembangan zaman. Sesuatu yang merupakan fitnah seratus tahun dahulu, kemungkinan
15 tidak lagi dianggap fitnah pada masa sekarang.¹

Secara ringkasnya, suatu fitnah adalah apabila sesuatu pihak mengeluarkan sesuatu pernyataan terhadap pihak ketiga dimana kesahihan pernyataan tersebut tidak dapat dipertahankan.

20

Yang Arif Hakim Mohamed Azmi menyatakan bahawa:

25

“The typical type of defamation is an attack upon the moral character of the plaintiff attributing crime, dishonesty, untruthfulness, ingratitude or cruelty”.²

¹ K Kuldeep Singh, *The Tort of Defamation: Concepts and Cases on Libel and Slander in Malaysia and Singapore*, LexisNexis, 2007, at page 2.

² *Syed Husin Ali v Sharikat Penchetakan Utusan Melayu Berhad & Anor* [1973] 2 MLJ 56 at p.58

Madam Justice Abella telah memberikan suatu definisi yang comprehensive berkenaan dengan fitnah seperti berikut:

5 A defamatory statement is one which has a tendency to injure the
reputation of the person to whom it refers (which tends, that is to say,
to lower him in the estimation of right-thinking members of society
generally and in particular to cause him to be regarded with feelings of
hatred, contempt, ridicule, fear, dislike or disesteem. The statement is
10 just by the standard of an ordinary right-thinking member of society.
Hence, the test is an objective one. The standard of what constitutes a
reasonable or ordinary member of the public is difficult to articulate. It
should not be so low as to stifle free expression unduly, nor so high as
to imperil the ability to protect the integrity of a person's reputation.
15 The impressions about the content of any broadcast – or written
statement – should be assessed from the perspective of someone
reasonable, that is, a person who is reasonably thoughtful and
informed, rather than someone who is with an overly fragile sensibility.
A degree of commonsense must be attributed to viewers.³

20

BEBAN PEMBUKTIAN

Di dalam kes **Ayob bin Saud v TS Sambanthamurthi [1989] 1
MLJ 315**, Yang Arif Hakim Mohamed Dzaidin (pada masa itu)
25 dengan jelas menyenaraikan elemen-elemen yang perlu ada untuk
mewujudkan suatu fitnah libel seperti berikut:

³ Colour Your World Corp. v Canadian Broadcasting Corp. (1998), 38 O.R. (3d) 97, 156 D.L.R. (4th) 27 at 36 (Ont. C.A.)

In our law on libel, which is governed by the Defamation Act 1957, the burden of proof lies on the plaintiff to show (1) the words are defamatory; (2) the words refer to the plaintiff; (3) the words were published. Where a defence of qualified privilege is set up, as in the present case, the burden lies on the defendant to prove that he made the statement honestly, and without any indirect or improper motive. Then, if he succeeds in establishing qualified privilege, the burden is shifted to the plaintiff in this case to show actual or express malice which upon proof thereof, communication made under qualified privilege could no longer be regarded as privilege: *Rajagopal v Rajan* [1972] 1 MLJ 45.⁴

Justeru itu, untuk membuktikan kes fitnah, Plaintiff perlu membuktikan elemen-elemen berikut:

- (a) Perkataan yang didakwa adalah merupakan suatu fitnah, fakta yang tidak benar dan bertujuan untuk menjatuhkan reputasi Plaintiff,
- (b) Perkataan yang didakwa adalah merujuk kepada Plaintiff, dan
- (c) Perkataan yang didakwa berkenaan telah diterbitkan.

Lihat juga kes-kes berikut:

(a) Kian Lup Construction v Hong Kong Bank Malaysia Bhd [2002] 7 MLJ 283.

(b) Lim Guan Eng v Utusan Melayu (M) Bhd [2012] 2 CLJ 619, [2011] 1 LNS 1348.

⁴ Ayob bin Saud v TS Sambanthamurthi [1989] 1 MLJ 315 at page 316

(c) Dato' Seri Mohammad Nizar Jamaludin v Sistem Televisyen Malaysia Berhad & Anor [2013] 1 LNS 217.

5 K. Kuldeep Singh di dalam bukunya **Tort of Defamation** menyatakan bahawa, sekiranya situasi adalah jelas contohnya fitnah itu disiarkan di dalam akhbar, fakta ini tidak perlu lagi dibuktikan. Saya petik tulisannya seperti berikut:

10 However the above rules are subjected to modifications in situations where the necessity to prove would be superfluous for example for publication of a popular tabloid, in certain instances there is no longer necessary to consider if it is not disputed that there has been a publication to a third party in the form of circulation of the tabloid (*Wong Yoke Kong & Ors v Azmi M Anshar & Ors*. [2003] 4 MLJ 96 High Court (Kuala Lumpur)).
15 If also the name of the plaintiff is clear and unequivocally stated in the article, the court may take judicial cognizance of these facts.⁵

KEPUTUSAN MAHKAMAH

- 20 1. Di dalam kes ini, Defendan Pertama di dalam soalan balasnya tidak pernah mempertikaikan perkataan-perkataan fitnah yang dinyatakan di dalam perenggan 8 Pernyataan Tuntutan.
2. Seorang manusia yang biasa yang membacanya pasti akan
mendapati bahawa perkataan-perkataan yang digunakan di
25 dalam perenggan 8 Pernyataan Tuntutan tersebut bertujuan untuk merendah-rendahkan maruah Plaintiff di kalangan rakan-rakan Facebooknya.

⁵ Ibid no.1, page 33.

3. Justeru itu, saya berpuashati bahawa perkataan-perkataan yang diterbitkan di akaun Facebook Defendan Pertama sebagaimana yang dinyatakan di dalam Perenggan 8 Pernyataan Tuntutan Plaintiff adalah suatu fitnah yang tidak dapat dipertahankan.
- 5
4. Defendan Pertama semasa perbicaraan dan di dalam penghujahan bertulisnya sendiri mengakui bahawa akaun Facebook atas nama “Ayumi Edayu” dan “Adasy Edayu” adalah merupakan akaun yang sama. Justeru itu, adalah jelas perkataan-perkataan fitnah tersebut diterbitkan oleh beliau melalui akaun tersebut.
- 10
5. Berdasarkan kepada keterangan saksi-saksi dan dokumen-dokumen yang dikemukakan, Mahkamah mendapati adalah jelas penama “Yatie Black” yang disebut di dalam akaun Facebook kepunyaan Defendan Pertama adalah merujuk kepada Plaintiff. Defendan Pertama di dalam soalan balasnya juga tidak mempertikaikan perkara ini.
- 15
6. Isu penerbitan perkataan-perkataan fitnah tersebut kepada pihak ketiga juga tidak dipertikaikan. Perkataan-perkataan fitnah tersebut telah diterbitkan di laman social Facebook yang boleh dibaca oleh semua rakan Facebook Defendan Pertama termasuklah Plaintiff dan saksi-saksi lain yang telah beri keterangan. Berdasarkan kepada P2, jelas menunjukkan Defendan Pertama telah mengeluarkan kata-kata yang negatif yang merupakan suatu fitnah ke atas Plaintiff.
- 20
- 25

7. Defendan Pertama di dalam pembelaannya menyatakan bahawa Plaintiff, SP2, SP3 dan SP4 telah dikeluarkan daripada senarai rakan Facebooknya dan mereka tidak boleh akses kepada komen-komen yang dibuat. Walaubagaimanapun, Defendan Pertama gagal membuktikan bilakah tarikh-tarikh mereka ini dikeluarkan. Jikapun benar perkara itu berlaku, perkataan-perkataan fitnah tersebut masih berada di dinding akaun Facebooknya dan boleh dibaca oleh rakan-rakan Facebooknya yang lain.
8. Saksi-saksi Plaintiff telah memberi keterangan secara bersumpah. Saya mendapati keterangan saksi-saksi Plaintiff adalah konsisten, meyakinkan dan tiada sebab untuk tidak mempercayainya.
9. Defendan Pertama tidak memberi keterangan untuk membela dirinya. Justeru itu, segala keterangan yang diberikan oleh Plaintiff dan saksi-saksinya adalah dianggap benar.
10. Di dalam penghujahan bertulisnya, Defendan Pertama telah menceritakan versinya. Walaubagaimanapun, versinya ini tidak boleh diterima oleh Mahkamah kerana ianya tidak mengikut prosedur, tidak diberi secara bersumpah dan tidak memberi peluang kepada pihak Plaintiff untuk membuat soal balas. Justeru itu, versinya yang ditulis di dalam penghujahan bertulisnya adalah 'hearsay' dan tidak mempunyai apa-apa nilai keterangan. Justeru itu ditolak.
11. Mahkamah juga mendapati pihak Defendan Pertama gagal untuk mengemukakan sebarang alasan yang munasabah di atas penerbitan perkataan-perkataan fitnah tersebut.

12. Di akhir analisis, Mahkamah berpuashati bahawa pihak
Plaintif telah berjaya membuktikan kesnya di atasimbangan
kebarangkalian bahawa Defendan-Defendan telah menerbitkan
5 perkataan-perkataan fitnah yang tidak bersandarkan kebenaran
ke atas Plaintif dengan niat untuk menjatuhkan maruah Plaintif
di dalam dinding akaun Facebook kepunyaan mereka.

10 KUANTUM

Prinsip-prinsip yang terpakai di dalam menaksirkan gantirugi
bagi kes-kes fitnah digariskan oleh YA Hakim Siti Norma Yaakob
(pada masa itu) di dalam kes **Datuk Harris bin Mohamed Salleh v**
15 **Abdul Jalil bin Ahmad & Anor**⁶ seperti berikut:

The assessment does not depend on any legal rule but the following
factors should be considered: (1) The conduct of the Plaintiff; (2) his
position and standing; (3) the nature of the libel; (4) the mode and extent
20 of publication; (5) the absence or refusal of any retraction or apology;
and (6) the whole conduct of the defendant from the time of the libel was
published down to the very moment of the verdict.

From these principles, it is clear that the task of assessing damages is to
25 approach it broadly, the amount of damages to be awarded will depend
on the circumstances of each case.

⁶ [1984] 1 MLJ 97 at page 98.

Prinsip-prinsip tersebut telah disahkan oleh Mahkamah Rayuan di dalam kes **Karpal Singh a/l Ram Singh v DP Vijandran**⁷ yang saya petik seperti berikut:

5

The principle governing the assessment of damages in libel cases have remained unchanged over the years and need no repetition. (For statements of the principles to be applied in assessment of damages in defamation cases, see, inter alia, *Datuk Harun bin Mohd Salleh v Abdul Jalil bin Ahmad* [1984] 1 MLJ 97, *Dato' Musa bin Hitam v SH Alatas & Ors* [1991] 1 CLJ 314, *Institute of Commercial Management United Kingdom v New Straits Times Press (Malaysia) Bhd* [1993] 1 MLJ 408, *MGG Pillai v Tan Sri Dato' Vincent Tan Chee Yioun and other appeals* [1995] 2 MLJ 493, *Ling Wah Press (M) Sdn Bhd v Ors v Tan Sri Dato' Vincent Tan Chee Yioun* [2000] 4 MLJ 77 and *Liew Yew Tiam & Ors v Cheah Cheng Hoe & Ors* [2001] 2 CLJ 385. It is the amount awarded that has drastically changed over the last five or six years. Therefore, before considering the amount awarded by the learned, it is important to look at the trend of awards of damages given by the courts in this country. Of course, it must be borne in mind that each case is decided on its own facts and circumstances.

20

Secara ringkasnya, di dalam menaksirkan gantirugi bagi kes-kes fitnah, perkara-perkara berikut perlu diambilkira:

25

- (1) The conduct of the plaintiff;
- (2) The position and standing of the plaintiff;

⁷ [2001] 4 MLJ 161 at page 180.

- (3) The nature of the libel i.e. the gravity and seriousness of the libel;
- (4) The mode and extent of the publication;
- (5) The mental distress, hurt, anxiety and mental anguish caused to the plaintiff as a result of the libel;
- (6) The uncertainty undergone in litigation;
- (7) The conduct of the defendants from the time of the libel down to the very moment of the verdict;
- (8) All evidence led in aggravation or mitigation of the damages;
- (9) The fact where the defendant has elected not to give evidence, of course, relevant;
- (10) Any considerable lapse of time between the date of the libel and the publication of the other defamatory words;
- (11) The plaintiff's delay in taking action whether this has prejudiced them;
- (12) The absence or refusal of any correction, retraction or apology; and
- (13) The conduct of his counsel, who cannot shelter his client by taking responsibility for the conduct of the case.⁸

Di dalam kes ini, Plaintiff adalah seorang kerani di Kuantan Usahajaya Autoparts & Machinery Sdn. Bhd. Sudah berkahwin dan mempunyai 2 orang anak. Beliau bukanlah seorang "public figure" di dalam masyarakat. Perkataan-perkataan fitnah yang dikeluarkan hanya berlegar dikalangan rakan-rakan Facebook yang mengenali

⁸ No.1, page 443. See also case *Datuk Patinggi Abdul Rahman Ya'kub v Abang Mohammad Bin Abang Anding* [1979] 2 MLJ 185.

beliau sahaja. Tiada sebarang kecederaan, kerugian ditunjukkan. Tiada sebarang bukti perubahan dikemukakan.

Keterangan di Mahkamah menunjukkan bahawa Defendan
5 Pertama telah mengambil langkah memohon maaf kepada Plaintiff tetapi permohonan maaf tersebut tidak diterima oleh Plaintiff.

Terdapat perbincangan antara pihak-pihak untuk menyelesaikan kes di luar Mahkamah di mana suatu jumlah tertentu
10 telah dipersetujui. Namun begitu, Defendan Pertama menarik balik persetujuannya di saat-saat akhir.

Kesan fitnah tersebut masih dapat dirasai oleh Plaintiff sehingga ke hari ini dimana beliau masih boleh menitiskan air mata ketika
15 memberi keterangan walaupun kejadian telah 2 tahun berlaku. Keterangan juga menunjukkan bahawa akibat daripada kata-kata fitnah tersebut, rumah tangga Plaintiff turut bergolak. Kesan fitnah juga menyebabkan Plaintiff merasa malu dan rendah diri untuk berjumpa dengan rakan-rakannya terutamanya bekas pelajar dari
20 sekolah lamanya.

Peguamcara Plaintiff di dalam penghujahan bertulisnya memohon sejumlah RM100,000 sebagai bayaran pampasan yang berpatutan. Tiada sebarang nas dikemukakan untuk menyokong
25 jumlah yang dipohon tersebut.

Setelah menimbang segala faktor yang disenaraikan di atas, saya berpendapat gantirugi sejumlah **RM20,000** secara global adalah munasabah diawadkan kepada Plaintif.

5 Nota: Nama Defendan Pertama dipinda mengikut ejaan yang betul sebagaimana yang dibekalkan oleh Defendan Pertama di dalam penghujahan bertulisnya.

Kos

10

Saya juga membenarkan kos sebagaimana skala kos di bawah **Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012.**

Faedah.

15

Faedah pada kadar 1% setahun dari tarikh penghakiman sehingga pembayaran penuh.

20 **Bertarikh pada 13hb. Disember 2013**

Haji Jamaludin bin Haji Mat

Hakim,

Mahkamah Sesyen 4,

25 **Kuantan.**

Peguamcara-peguamcara:

**Puan Noor Adilah binti Zarian daripada Tetuan AR Hisham & Co.
bagi pihak Plaintif.**

5

Wan Nuredayu binti Wan Shahrudin mewakili diri sendiri.

2859 words